

Jamaludin juara pancing Zoo Negara

KUALA LUMPUR 4 Mei – Pengalaman memancing sejak beberapa tahun membolehkan Jamaludin Saidin, 48, yang berasal daripada Kulim, Kedah muncul juara Karnival Memancing Zoo Negara yang diadakan di taman haiwan itu semalam.

Jamaludin yang berjaya menaikan ikan toman seberat 9.1 kilogram menyetepikan saingan 29 orang peserta dalam pertandingan itu.

Kemenangan tersebut membolehkan Jamaludin membawa pulang wang tunai berjumlah RM 2,000 serta peralatan memancing dan telefon bimbit.

Menurutnya, dia tidak menyangka akan muncul sebagai juara dalam pertandingan tersebut tetapi bersyukur dengan kemenangannya itu.

“Saya rasa bertuah kerana dapat menaikan ikan toman yang paling

berat di antara semua peserta.

“Semua peserta yang menyertai pertandingan ini inginkan kemenangan, nampaknya hari ini adalah hari saya,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Tempat kedua dimenangi oleh Na Shamsudin Kasdi yang berjaya menaikan ikan toman seberat 7.1 kilogram untuk membawa pulang wang tunai berjumlah RM 1,500 beserta hadiah sampingan, manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Ayub Kazali yang menaikan ikan toman seberat lima kilogram.

Dia membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM 1,000 serta hadiah sampingan.


Karnival Memancing Zoo Negara itu dianjurkan oleh Celcom (Malaysia) Berhad dengan kerjasama daripada pihak Zoo Negara.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Pengurus Besar Celcom Kawasan Tengah, Azmil Merican dan juga wakil Zoo Negara, Daniel Felix.

Karnival yang bertemakan 'Selamatkan Burung Botak dan Ikan Toman Kami' itu turut mempertandingkan beberapa kategori lain seperti tangkapan ikan pertama, ikan terbanyak, ikan lampam terberat dan ikan tilapia terberat.

Sementara itu, Azmil memberitahu, pertandingan tersebut diadakan bersempena cuti hujung minggu yang panjang dan merupakan acara pertama anjuran Celcom dan Zoo Negara.

Azmil memberitahu, beliau tidak menolak program itu akan diadakan pada masa depan berikutan sambutan baik yang diterima pada kali ini.



AZMIL Merican (kanan) bersama para pemenang pertandingan Karnival Memancing Zoo Negara, kelmarin.